

Pusat sehenti pantau Sungai Perak diwujudkan

IPOH 7 Sept. - Kerajaan negeri akan mewujudkan pusat sehenti yang melibatkan penglibatan pelbagai agensi bagi memantau pengaliran air di Sungai Perak dan aktiviti yang berlaku di sepanjang sungai tersebut.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, antara agensi yang terlibat adalah Lembaga Air Perak (LAP), Jabatan Hutan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Kerajaan negeri memandang serius terhadap perkara yang berkaitan dengan pengurusan sungai khususnya pencemaran yang berlaku di sepanjang Sungai Perak akibat perladangan atau aktiviti hutan.

“Perhatian khusus perlu diberi-

kan memandangkan negara kita mempunyai taburan hujan yang lebat dan ia akan memberi kesan terhadap pengaliran air dan tanah di sepanjang kawasan sungai berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat LAP, di sini hari ini.

Menurut beliau, pusat sehenti itu akan membuat kaji selidik, memaklumkan dan menasihati kerajaan negeri dalam aspek pengurusan sungai bagi membolehkan persiapan kemungkinan banjir dilakukan.

“Kerjasama ini bagi memastikan aliran air di Sungai Perak tidak akan menyebabkan banjir dan tiada kekeruhan air yang akan memberi impak kepada loji rawatan air yang ada di sepanjang sungai tersebut,” katanya.



ZAMBRY ABD. KADIR